



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 2/2023**

27 FEBRUARI 2023 | ISNIN

4.30 PETANG | HOTEL PULLMAN, KUCHING, SARAWAK

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Pemangku Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' (Dr)
Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis

MPS Bil.2/2023 bagi bulan Februari
pada pagi yang berbahagia ini.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 31 Januari 2023, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa Tahun 2023 sebanyak RM11.66 juta (20.45%) daripada RM57 juta.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM1 juta (8.41%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM12 juta.

2. PEMBUKAAN KAUNTER IBU PEJABAT DAN PEJABAT CAWANGAN RAWANG

- 2.1 MPS akan membuka kaunter bayaran di ibu pejabat dan Cawangan Rawang bermula pukul 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum sepanjang bulan Februari 2023. Tempoh bayaran cukai taksiran bagi Penggal 1/2023 akan berakhir pada 28 Februari 2023 iaitu esok dan caj lewat RM20.00 akan dikenakan mulai 1 Mac 2023. Manakala tindakan waran tahanan akan mula dilaksanakan bermula 1 April 2023.
- 2.2 Orang ramai diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan

lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing.

3. PERBAHARUI DAN BAYAR LESEN PERNIAGAAN DI PORTAL MYMPS

- 3.1 Selain itu, MPS juga telah menaiktaraf portal MyMPS. Para peniaga boleh membuat semakan, memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan serta perancang di pautan <https://mymps.mps.gov.my>.
- 3.2 Jumlah kutipan yang diterima pada bulan Januari 2023 merangkumi:
 - i. Lesen perniagaan sebanyak RM 1,360,749.97 iaitu sebanyak 1859 transaksi,
 - ii. Sewaan gerai sebanyak RM 241,630.00 iaitu sebanyak 705 transaksi,
 - iii. Permit bangunan dan perancang sebanyak RM 43,837.63 iaitu sebanyak 81 transaksi.
- 3.3 Semakan dan bayaran boleh dilakukan di <https://mymps.mps.gov.my>.

4. KEMPEN KOMPAUN RM10 LETAK KERETA

- 4.1 Untuk makluman juga, MPS sedang mengadakan penawaran sebanyak RM10 bagi setiap keping kompaun tempat letak kereta kepada pemilik-pemilik kenderaan yang mempunyai kompaun tertunggak di pentadbiran Selayang.
- 4.2 Tempoh bagi penawaran ini bermula pada 1 Februari hingga 31 Mac 2023 di kaunter MPS dan kaunter bergerak MPS yang akan dibuka di kawasan-kawasan yang terpilih.
- 4.3 Saya berharap semua dapat menguar-uarkan kempen ini dan semoga inisiatif ini sedikit sebanyak dapat membantu dan menggalakkan orang ramai untuk menyelesaikan pembayaran yang tertunggak.

5. PENGHARGAAN KEPADA KAKITANGAN MPS SEMPENA PICNIC@LAGONG

- 5.1 Alhamdulillah, pada hari Sabtu yang lepas, Program Picnic@Lagong MPS telah diadakan dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada

barisan seluruh kakitangan atas komitmen yang diberikan secara langsung atau tidak langsung.

- 5.2 Tidak dilupakan juga kepada Kelab Sukan dan Kebajikan MPS yang telah menjadikan program ini satu reality dan dapat dinikmati oleh seluruh kakitangan MPS.
- 5.3 Saya amat berbangga dengan kehadiran anda semua ke program tersebut dan saya berharap program-program sebegini dapat diteruskan selain mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.

6. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2022

- 6.1 Bagi menghargai komitmen dan sumbangan kakitangan, MPS akan mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2022. Insya Allah, majlis ini akan diadakan pada 3 Mac 2023 bertempat di Templer's Ballroom, Setia Eco Templer, Rawang.
- 6.2 Sekalung ucapan tahniah saya zahirkan kepada semua penerima anugerah dan semoga lebih sukses dalam menjalankan tugas pada masa-masa akan datang.

7. PROGRAM HARI BEBAS KARBON

- 7.1 Untuk makluman, Program Hari Bebas Karbon MPS 2023 akan diadakan pada 5 Mac 2023 bertempat di Puteri Central Park, Bandar Tasik Puteri, Rawang. Program ini adalah sebahagian usaha menjadikan MPS untuk menjadikan Selayang sebuah pentadbiran rendah karbon menjelang 2030.
- 7.2 Antara aktiviti yang menarik adalah acara berbasikal sejauh 25km, *brisk walk*, cabutan bertuah dan sebagainya. Jadi, saya menjemput semua untuk hadir bagi memeriahkan sama program ini.

8. AUDIT PENSIJILAN ISO MS 9001:2015

- 8.1 Pasukan Saya juga ingin memaklumkan Pasukan Audit SIRIM QAS International akan membuat Audit Pensijilan ISO 9001:2015 pada 15 hingga 17 Mac 2023. Pengauditan ini melibatkan konteks organisasi, kepimpinan, perancangan, sokongan, operasi, penilaian prestasi dan penambahbaikan di setiap jabatan.
- 8.2 Sehubungan itu, saya berharap agar semua jabatan bersiap siaga dan memastikan segala persiapan di

tahap yang terbaik bagi mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi kali ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.